Jumlah pulangan Total return	:	$(\text{Pulangan pendapatan} \times \text{Pulangan modal} - 1) \times 100$ $(\text{Income return} \times \text{Capital return} - 1) \times 100$
Pulangan modal Capital return	:	$\frac{\text{Harga pasaran akhir tahun} - 1 \times 100}{\text{Haga pasaran awal tahun}}$ $\frac{(\text{End of year market price}) - 1 \times 100}{(\text{Beginning of year market price})}$
Pulangan pendapatan Income return	:	$\frac{\text{Pengagihan pendapatan}}{\text{Harga pasaran akhir tahun}}$ $\frac{\text{Income distribution}}{\text{End of year market price}}$

NOTA:

Prestasi masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan. Harga unit-unit dan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik.

NOTE:

Past performance is not necessarily indicative of future performance. Unit prices and investment returns fluctuate.

PURATA PULANGAN TAHUNAN/AVERAGE ANNUAL RETURN


	Satu Tahun One Year (%)	Tiga Tahun Three Years %	Lima Tahun Five Years %	Dari 1989 Since 1989 %
AHP	32.00	15.10	14.50	6.52
Kuala Lumpur Composite Index (KLCI)	44.37	5.10	7.00	6.56
Property Index	53.03	4.07	1.74	(0.61)

JUMLAH PULANGAN TAHUNAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN KEWANGAN LALU ANNUAL TOTAL RETURN FOR THE LAST FIVE FINANCIAL YEAR

Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember, Financial Year Ended December 31,	2009	2008	2007	2006	2005
Jumlah Pulangan Total Return (%)	32.00	(4.68)	21.19	9.46	17.91
Pulangan Modal Capital Return (%)	22.67	(12.28)	13.25	2.03	10.45
Pulangan Pendapatan Income Return (%)	7.61	8.67	7.02	7.28	6.76
*Penanda Aras *Benchmark (%)	53.03	(50.68)	49.34	29.26	(25.17)

*Penanda Aras/ *Benchmark : Property Index

KOMPOSISI PORTFOLIO PELABURAN COMPOSITION OF INVESTMENT PORTFOLIO




- Hartanah / Real Estate
- Amanah Relaburan Hartanah / Real Estate Investment Trust
- Kewangan / Finance *
- Perniagaan / Trading *
- Barangan Industri / Industrial Product
- Harta Benda / Property *
- Perladangan / Plantations *
- Projek Infrastruktur / Infrastructure Project *
- Pelaburan Jangka Pendek dan Tunai / Short-term investment and cash

Nota / Note : * Pelaburan Dalam Saham Disebutbarga / Investment in Quoted Shares

PEMEGANGAN UNIT DAN HARGA PASARAN


UNITHOLDINGS AND MARKET PRICE

ANALISIS PEMEGANGAN UNIT PADA 31 DISEMBER 2009
 ANALYSIS OF UNITHOLDINGS AS AT DECEMBER 31, 2009



HARGA PASARAN/MARKET PRICE

Seunit sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2009 / a unit for the year ended December 31, 2009



PORTFOLIO HARTANAH REAL ESTATE PORTFOLIO

SENARAI HARTANAH PADA 31 DISEMBER 2009 LIST OF REAL ESTATE AS AT 31 DECEMBER 2009

Keterangan Hartanah dan Lokasi <i>Description of Real Estate and Location</i>	Pegangan Tanah <i>Land Tenure</i>	Usia Bangunan <i>Age of Building (years)</i>	Ruang Sewa Bersih <i>Net Lettable Area (sq. ft.)</i>	Tarikh Perolehan <i>Date of Acquisition</i>	Kos Perolehan <i>Cost of Acquisition (RM '000)</i>	Tambahhan <i>Additions</i>	Kos Perolehan Tambahan <i>Cost of Acquisitions Additions</i>	Nilai Pada 2009 <i>Valuation in 2009</i>	Nilai Buku Bersih <i>Net Book Value</i>	Penambahan/(kurangan) Dalam Penilaian Semula <i>Revaluation Surplus (Deficit)</i>		Kaedah Penilaian (Tarikh Penilaian) <i>Method of Valuation (Date of Valuation)</i>
										Nilai Pada 2009 <i>Valuation in 2009 (RM '000)</i>	Nilai Pada 2008 <i>Valuation in 2008 (RM '000)</i>	
Bangunan pejabat 24 tingkat dikenali sebagai 24-Storey Office Building known as Plaza VADS Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	19	201,554	21/03/1989	45,909	6,252	52,161	80,000	80,000	-	-	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (31.12.2009)</i>
Bangunan komersil 4 tingkat dikenali sebagai Four-Storey Commercial building known as Bangunan AHP, Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	20	95,356	21/03/1989	16,323	16,748	33,071	40,300	40,300	-	500	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (31.12.2009)</i>
Kedai pejabat 3 tingkat Three-Storey shopoffice Jalan Wan Kadir 4 Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	11	5,280	16/10/1995	910	-	910	2,200	2,200	-	-	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (31.12.2009)</i>
Rumah kedai 4 tingkat Four-storey shophouse Jalan Tun Ismail Kuantan, Pahang	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	24	4,964	15/11/1995	1,058	17	1,075	960	960	-	-	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (15.10.2009)</i>
Tingkat bawah & satu Ground & First Floor, Blok G Asia City Kota Kinabalu, Sabah	Pajakan (99 tahun berakhir Pada 31.12.2082) Leasehold Leasehold (99 years expiring on 31.12.2082)	12	3,100	12/12/1995	1,653	-	1,653	1,405	1,405	-	145	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (31.12.2009)</i>
Bangunan pejabat 4 tingkat dikenali sebagai Four-storey office building known as Sri Imlan, Taman Setiaawangsa, Kuala Lumpur	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	19	38,288	15/05/1996	13,318	188	13,506	10,500	10,500	-	800	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (31.12.2009)</i>
Rumah kedai 4 tingkat Four-storey shophouse Miri Waterfront, Commercial Centre, Jalan Permaisuri Miri, Sarawak	Pajakan (60 tahun berakhir Pada 30.9.2052) Leasehold Leasehold (60 years expiring on 30.9.2052)	12	3,998	24/05/1996	949	4	953	880	880	-	20	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods (31.12.2009)</i>

**PORTFOLIO HARTANAH (SAMB.)
REAL ESTATE PORTFOLIO (CONTD.)**

**SENARAI HARTANAH PADA 31 DISEMBER 2009
LIST OF REAL ESTATE AS AT 31 DECEMBER 2009**

Keterangan Hartanah dan Lokasi <i>Description of Real Estate and Location</i>	Pegangan Tanah <i>Land Tenure</i>	Usia Bangunan <i>Age of Building</i>	Ruang Sewa Bersih (kps.) <i>Net Lettable Area (sq. ft.)</i>	Tarikh Perolehan <i>Date of Acquisition</i>	Kos Perolehan <i>Cost of Acquisition</i>	Tambahannya <i>Additions</i>	Kos Perolehan dan Tambahan <i>Cost of Acquisitions and Additions</i>	Nilai Pada 2009 <i>Valuation in 2009</i>	Nilai Buku Bersih <i>Net Book Value</i>	Penambahan/(kurangan) Dalam Penilaian Semula <i>Revaluation Surplus/(Deficit)</i>		Kaedah Penilaian (Tarikh Penilaian) <i>Method of Valuation (Date of Valuation)</i>
										Nilai Pada 2009 <i>Valuation in 2009</i>	Nilai Pada 2008 <i>Valuation in 2008</i>	
Kedai pejabat 4 tingkat <i>Four-storey Shopoffice</i> No. 3088/309 Lorong Selangor Pusat Bandar Melawati Kuala Lumpur	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	11	14,688	15/06/1996	2,168	39	2,207	2,500	2,500	-	300	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (31.12.2009)
Kedai pejabat 4 tingkat <i>Four-storey Shopoffice</i> Lot 224, Jalan Negara 2, Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	19	6,705	30/08/1996	783	31	814	985	985	-	-	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (31.12.2009)
Kedai pejabat 4 tingkat <i>Four-storey Shopoffice</i> Jalan Chainferry, Taman Underwasih Butterworth, Penang	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	11	4,854	12/11/1996	966	-	966	950	950	-	(50)	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (31.12.2009)
Rumah kedai 3 1/2 tingkat <i>3 1/2-Storey Shophouse</i> Jalan Semabok Melaka	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	10	5,116	18/09/1997	660	5	665	460	460	-	10	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (31.12.2009)
Kedai pejabat 3 tingkat <i>Three-storey Shopoffice</i> Jalan Indera Kayangan Kangar, Perlis	Pajakan (99 tahun berakhir Pada 11.07.2088) <i>Leasehold</i> (99 years expiring on 11.07.2088)	8	3,460	24/11/2000	449	-	449	550	550	-	-	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (15.10.2009)
Kedai pejabat 2 1/2 tingkat <i>2 1/2-Storey Shopoffice</i> Kompleks Shahab Perdana Jalan Sultanah Sambungan Alor Setar, Kedah	Pegangan bebas <i>Freehold</i>	8	4,863	27/09/2001	445	20	465	500	500	-	10	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (15.10.2009)
Kedai pejabat 4 tingkat <i>Four-storey Shopoffice</i> Off Jalan Rubber Kuching, Sarawak	Pajakan (874 tahun berakhir Pada 31.12.2811) <i>Leasehold</i> (874 years expiring on 31.12.2811)	10	4,432	30/08/2002	855	-	855	1,100	1,100	-	70	Kaedah Perbandingan dan Pelaburan <i>Comparison and Investment Methods</i> (31.12.2009)
TOTAL					86,446	23,304	109,750	143,290	143,290	-	1,805	

Nota / Note :- *Nilai pada 1 Disember 2009 oleh penilai bebas / Value by independent valuer as at 1 December 2009.

**PORTFOLIO HARTANAH (SAMB.)
REAL ESTATE PORTFOLIO (CONTD.)**

**MAKLUMAT PENYEWAAN PADA 31 DISEMBER 2009
TENANCY DETAILS AS AT DECEMBER 31, 2009**

Hartanah Property	Keluasan Ruangsewa Bersih (k-p.) Net Lettable Area (sq.ft.)	Ruang Letak Kereta (Petak) Parking Spaces (Bays)	Penyewa Utama Major Tenants	Kadar Penghuni Occupancy Rate	Kos Penyelenggaraan Maintenance Cost (RM)	Tempoh Purata Sewaan Average Tenancy Period	Tamat Tempoh Year of Expiry	Semakan Sewa Rental Review	Purata Sewaan (RM/k.p./bulan) Average Rental RM/sq.ft./month
1. Plaza VADS	201,554	402	1. VADS Berhad 2. YSP Industries (M) Sdn. Bhd. 3. IBM Malaysia Sdn. Bhd. 4. Standard Chartered Bank (M) Bhd. 5. Lain-lain / Others	62.45 12.30 10.06 8.16 7.03 <hr/> 100.00	651,737	8 3 2 2 3	2015 2010/2012 2010 2010 2010/2012	2010 2010/2012 2010 2010 2010/2012	3.12
Bangunan	95,356	200	1. Silverlake Innovative Partners Sdn Bhd 2. Hwang-DBS Investment Bank Bhd. 3. VADS Berhad 4. PMI Education Sdn. Bhd. 5. Optimax Eye Specialist Centre Sdn. Bhd. 6. Lain-lain / Others	25.90 25.09 18.87 9.32 7.98 12.84 <hr/> 100.00	233,718	3 3 3 3 3 1.8	2010 2010 2010 2010 2010 2010/2012	2010 2010 2010 2010 2010 2010/2012	3.28
Sri Impian	38,288	-	1. I&P Harta Sdn. Bhd.	100.00	5,290	2	2011	2011	2.10
Sebelas (11) Eleven (11) Shop premises	61,460	-	1. Amanah Saham Nasional Berhad 2. Gemilang Maintenance Sdn Bhd 3. ARH Jurukur Bahan Sdn. Bhd. 4. Lain-lain / Others 5. Kosong / Vacant	34.34 12.50 10.91 22.48 19.77 <hr/> 100.00	35,740	2.9 3 2 3	2010/2011 2011 2010 2010/2012	2010/2011 2011 2010 2010/2012	1.36
Jumlah / Total	396,658	602	Jumlah Ruang Dihuni / Total Occupied Area	96.94	926,485				
			Jumlah Ruang Kosong / Total Vacant Area	3.06					

ANALISIS PEMEGANGAN UNIT ANALYSIS OF UNITHOLDINGS

Modal Pemegang-pemegang Unit Pada 31 Disember 2009 / *Unitholders' Capital as at 31 December 2009*

Dibenarkan / *Authorised* : 1,000,000,000 unit / *units*
Diterbitkan dan dibayar penuh / *issued and fully paid* : 100,000,000 unit / *units*

Kelas Unit <i>Unit Class</i>	Bil. Pemegang Unit <i>No. of Unitholders</i>	Peratus Pemegang Unit <i>Percentage of Unitholders</i>	Bil. Pegangan Unit <i>No. of Unitholdings</i>	Peratus Pegangan Unit <i>Percentage of Unitholdings</i>
Less than 100 <i>Kurang dari 100</i>	13	0.16	325	0.00
100 - 1,000	3,190	40.60	2,728,430	2.79
1,001 - 10,000	3,783	48.67	15,207,154	15.73
10,001 - 100,000	780	9.82	23,902,091	24.02
100,001 hingga kurang dari 5% dari unit <i>100,001 to less than 5% of issued units</i>	58	0.74	17,153,500	16.45
5% dan lebih dari unit diterbitkan <i>5% and above of issued units</i>	1	0.01	41,008,500	41.01
Jumlah / Total	7,825	100.00	100,000,000	100.00

Klasifikasi Pemegang-pemegang Unit Pada 31 Disember 2009 /
Classification of Unitholders as at 31 December 2009

Kategori Pemegang Unit <i>Category of Unitholders</i>	Bil. Pemegang Unit <i>Number of Unitholders</i>			Bil. Pegangan Unit <i>Numbers of Unitholdings</i>			Peratus <i>Percentage</i>		
	Malaysia/Malaysian		Asing <i>Foreign</i>	Malaysia/Malaysian		Asing <i>Foreign</i>	Malaysia/Malaysian		Asing <i>Foreign</i>
	Bumi	Bukan Bumi <i>Non-Bumi</i>		Bumi	Bukan Bumi <i>Non-Bumi</i>		Bumi	Bukan Bumi <i>Non-Bumi</i>	
Individu / <i>Individuals</i>	2,687	4,484	48	10,451,100	30,045,225	1,797,100	10.45	30.05	1.80
Badan Korporat / <i>Body Corporate</i>	9	-	-	4,042,600	-	-	4.04	-	-
a. Bank/Syarikat Kewangan <i>Banks/Finance Companies</i>	-	2	-	-	290,000	-	-	0.29	-
b. Amanah Pelaburan/Yayasan <i>Investment Trusts/Foundations</i>	13	36	1	145,000	2,025,400	20,000	0.15	2.03	0.02
c. Lain-lain Jenis Syarikat <i>Other Types of Companies</i>									
Agensi Kerajaan/Institusi <i>Government Agencies/Institutions</i>	2	-	-	24,000	-	-	0.02	-	-
Nomini/Nominees	294	177	72	44,373,575	2,331,100	4,454,900	44.37	2.33	4.45
Jumlah / Total	3,005	4,699	121	59,036,275	34,691,725	6,272,000	59.03	34.70	6.27
	7,825			100,000,000			100.00		

ANALISIS PEMEGANGAN UNIT (SAMB.) ANALYSIS OF UNITHOLDINGS(CONTS.)

Modal Pemegang-pemegang Unit Pada 31 Disember 2009 / *Unitholders' Capital as at 31 December 2009*

Bil. No.	Pemegang Unit <i>Unitholders</i>	Unit Dipegang <i>Units Held</i>	Peratus dari Unit Dalam Edaran <i>Percentage of Units in Issue</i>
1	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (Skim Amanah Saham Bumiputera) *	41,008,500	41.01
2	Permodalan Nasional Berhad **	4,013,600	4.01
3	Lim York Lai	815,000	0.82
4	Chan Oi Lin	530,000	0.53
5	Chong Kon Ling	480,000	0.48
6	AmSec Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (AmLife Insurance Berhad (FM-AMAB-LF))	437,000	0.44
7	AmSec Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (AMG Insurance Berhad (FM-AMAB-GF))	434,500	0.43
8	Sankaran A/L K K Pillai	390,000	0.39
9	Khoo Hai Chew	371,000	0.37
10	BOH Plantations Sdn. Bhd	358,000	0.36
11	AmSec Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (AmLife Insurance Berhad (FM-AMAB-LNP))	348,500	0.35
12	Toh Hock Chooi	344,700	0.34
13	Abdul Rahim bin Bidin	329,000	0.33
14	Popular Industries Sdn. Berhad	320,000	0.32
15	BOH Plantations Sdn. Berhad	317,700	0.32
16	TA Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (A/C for Chor Sek Choon)	310,000	0.31
17	Kenanga Nominees (Asing) Sdn. Bhd. (A/C for Philip Securities Pte. Ltd. (Client Account))	300,000	0.30
18	Richfund Sdn. Berhad	291,000	0.29
19	Neoh Foundation (1979)	280,000	0.28
20	Ng Heng Heem	260,700	0.26
21	Lee Chin Yik	258,000	0.26
22	HDM Nominees (Asing) Sdn. Berhad (DBS Vickers Secs (S) Pte. Ltd. For Winston Jong Khi Min)	249,800	0.25
23	Yik Poh Chan @ Yek Poh Chan	244,300	0.24
24	Premjit Singh a/l Onkar Singh	240,000	0.24
25	TA Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (A/C for Yap Nam Hooi)	237,800	0.24
26	Toh Han Ein	215,000	0.22
27	Loo Yik Lew	212,000	0.21
28	HDM Nominees (Asing) Sdn. Berhad (DBS Vickers Secs (S) Pte. Ltd. For Hia Chek Phang)	200,000	0.20
29	Ong Liu Lih Yun	193,500	0.19
30	Shushila A/P Rattinam Chettiar	188,200	0.19
Jumlah / Total		54,177,800	54.17

Nota / Note:

* Pemegang unit utama / *Substantial unitholder*

** Syarikat berkaitan dengan Pengurus / *Related company to Manager*

PENYATA KEWANGAN

	MUKA SURAT
Laporan Pengurus	26 -32
Penyata oleh Pengurus	33
Akuan Berkanun	33
Penyata Pemegang Amanah	34
Laporan Juruaudit	35
Penyata Pendapatan	36 - 37
Penyata Aset dan Liabiliti	38
Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih Kepada Pemegang-pemegang Unit	39
Penyata Aliran Tunai	40 - 41
Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan	42 - 64

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), Pengurus kepada Amanah Harta Tanah PNB ("AHP" atau "Tabung Amanah"), dengan sukacitanya membentangkan Laporan Pengurus mengenai Tabung Amanah berserta dengan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

TABUNG AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

AHP, sebuah Amanah Pelaburan Hartanah, telah diperlembagakan di bawah Surat Ikatan Amanah bertarikh 20 Mac 1989 di antara Pengurus, PHNB, Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad dan beberapa orang yang memegang unit di dalam Tabung Amanah.

AHP dilancarkan pada 21 Mac 1989 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 28 Disember 1990. Aktiviti utama Tabung Amanah adalah pelaburan dalam hartanah dan pelaburan lain yang dibenarkan dengan objektif untuk mencapai pulangan yang berterusan dan penambahan nilai modal bagi jangka masa panjang. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun ini.

Pengurus, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah sebuah anak syarikat Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan tabung amanah pelaburan hartanah. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun ini.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah memegang saham-saham untuk meningkatkan pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia.

YURAN PENGURUSAN DAN KOMISYEN

Tiada sebarang bayaran perkhidmatan, yuran atau komisyen yang telah diperolehi oleh Pengurus dalam menguruskan Tabung Amanah selain daripada yuran pengurusan sebanyak RM1,500,820 (2008: RM1,476,788) seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan AHP. Seperti yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan Amanah, Pengurus berhak menerima yuran pengurusan tidak melebihi 2% daripada nilai aset bersih harian Tabung Amanah bagi setiap tempoh terakru. Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah 1% (2008: 1%) setahun daripada nilai aset bersih harian Tabung Amanah.

TEMPOH TABUNG AMANAH

Tabung Amanah akan meneruskan operasinya sehingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus seperti yang termaktub di bawah peruntukan Klausula 23 Surat Ikatan Amanah Tambahan Ketiga Tabung Amanah.

OBJEKTIF PELABURAN

Objektif utama pelaburan Tabung Amanah ialah untuk memberi tahap pulangan pendapatan yang berpatutan kepada pelabur dan membenarkannya memperolehi kenaikan pulangan modal melalui belian portfolio pelaburan hartanah terpilih yang berpotensi untuk peningkatan modal jangka panjang.

POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung Amanah adalah menjurus ke arah pembesaran Tabung Amanah melalui usaha berterusan untuk mengenal pasti hartanah-hartanah berkualiti yang menawarkan pulangan yang berpatutan dan penambahan nilai modal.

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANA HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

POLISI DAN STRATEGI PELABURAN (SAMB.)

Pengurus akan meneruskan penggunaan strategi pelaburan yang berhemat dengan pandangan untuk menghasilkan pendapatan yang stabil dan konsisten bagi Tabung Amanah. Pemilihan hartanah bagi Tabung Amanah adalah berdasarkan proses dengan fokus utama ke atas kriteria seperti lokasi hartanah, potensi untuk perkembangan modal, kualiti fizikal hartanah dan kualiti penyewaan.

Sepanjang tahun kewangan, Pengurus telah meneruskan penggunaan strategi pelaburan yang berhemat dengan pandangan untuk menghasilkan pendapatan yang stabil dan konsisten bagi Tabung Amanah. Pengurus sentiasa berusaha menjalinkan hubungan baik dengan penyewa-penyewa bagi memastikan hubungan jangka panjang yang berterusan dengan penyewa-penyewa, dengan itu memastikan penerimaan pendapatan sewaan yang berterusan.

PELABURAN TABUNG AMANA H

Jumlah pelaburan Tabung Amanah pada 31 Disember 2009 adalah RM152,884,659 (2008: RM153,800,589). Butir-butir portfolio pelaburan Tabung Amanah adalah seperti berikut:

	2009		2008	
	RM	%	RM	%
Pada Nilai Saksama				
Hartanah				
- Komersial dan bangunan pejabat	143,290,000	93.72	143,290,000	93.17
Pada Harga Pasaran:				
Aset berkaitan hartanah				
- Saham disebut harga mengikut sektor				
- Hartanah	48,250	0.03	56,000	0.03
Aset bukan berkaitan hartanah				
- Saham disebut harga mengikut sektor				
- Perdagangan	1,076,640	0.71	889,770	0.58
- Produk industri	-	-	33,000	0.02
- Kewangan	125,195	0.08	127,500	0.08
- Perladangan	-	-	79,500	0.05
- Projek infrastruktur	70,560	0.05	116,850	0.08
Pada Nilai Saksama:				
Deposit dengan institusi-institusi kewangan dan tunai di bank				
	8,274,014	5.41	9,207,969	5.99
	<u>152,884,659</u>	<u>100.00</u>	<u>153,800,589</u>	<u>100.00</u>

Butiran-butiran pelaburan dalam hartanah adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 13 kepada penyata kewangan.

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

PRESTASI TABUNG AMANAH

	2009	2008
Jumlah nilai aset bersih (RM)	150,791,715	150,078,135
Unit dalam edaran (unit)	100,000,000	100,000,000
Nilai aset bersih setiap unit boleh agih kepada pemegang-pemegang unit (sen)	150.79	150.08
Harga pasaran setiap unit (sen)	92.00	75.00
Harga urusniaga paling tinggi (sen)	94.00	95.00
Harga urusniaga paling rendah (sen)	70.00	70.00

Tidak terdapat perubahan ketara dalam pengagihan aset sejak laporan yang terakhir.

HASIL OPERASI AHP

Hasil operasi Tabung Amanah bagi tahun ini adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan sebelum cukai	7,463,580
Cukai	-
Pendapatan selepas cukai	7,463,580

Sepanjang tahun kewangan, AHP telah merekodkan pendapatan bersih sebelum cukai sebanyak RM7,463,580 berbanding RM8,750,629 yang direkodkan tahun lepas. Pendapatan bersih sebelum cukai yang rendah adalah disebabkan oleh tiada keuntungan tidak nyata yang diperolehi dari penilaian semula hartanah pada tahun ini berbanding dengan RM1,805,000, yang diperolehi pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Dari segi pendapatan sewaan bersih, AHP merekodkan kenaikan sebanyak RM171,670 atau 1.967% daripada RM8,725,468 yang direkodkan pada tahun lepas disebabkan oleh peningkatan kadar sewaan untuk pembaharuan dan perjanjian baru. Jumlah perbelanjaan Tabung Amanah menunjukkan kenaikan sebanyak RM232,685 atau 12.31% daripada RM1,890,066 yang direkodkan pada tahun kewangan terdahulu.

TINJAUAN PASARAN HARTANAH

Tahun 2009 menjadi tanda kepada satu lagi tempoh yang mencabar bagi ekonomi Malaysia sejak kemelesetan 1997 - 98. Laporan bagi separuh pertama tahun ini menunjukkan KDNK sebenar telah menyusut sebanyak 5.1% akibat krisis kewangan dan ekonomi global. Persekitaran luaran yang tertekan ini secara amnya telah melemahkan eksport, pelaburan dan perbelanjaan domestik.

Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun ini, terdapat tanda bahawa keadaan akan kembali stabil hasil daripada pakej rangsangan fiskal Kerajaan bernilai RM67 billion yang membantu merangsang perbelanjaan sektor awam dan pengguna. Dari sudut luaran pula, pemulihan ekonomi-ekonomi besar yang bermula pada suku kedua yang dipacu oleh langkah rangsangan fiskal, telah menyokong eksport Malaysia. Sehubungan dengan itu, ekonomi domestik mencatatkan pertumbuhan pada suku terakhir setelah menyaksikan penurunan kecil sebanyak 1.2% untuk tiga bulan sebelumnya.

Suatu perkara yang memberangsangkan untuk diambil perhatian ialah prestasi pasaran harta domestik telah terjejas sedikit akibat kelembapan ekonomi domestik dan antarabangsa. Pembangunan sektor pejabat binaan khas secara amnya kekal stabil dengan kadar penghunian dan pertumbuhan penawaran baharu kekal di tahap tinggi. Menurut Jabatan Perkhidmatan Harta dan Penilaian, Kementerian Kewangan, kadar purata penghunian bangunan milik persendirian pada suku ketiga 2009 adalah 80.1% berbanding 80.6% pada waktu yang sama 2008. Jumlah ruang merekodkan peningkatan sebanyak 6.2% kepada 11.83 juta meter persegi.

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANA HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

PROSPEK

Ekonomi dunia dijangka akan melambung pada 2010 berikutan peningkatan dalam kadar penggunaan, pelaburan dan perdagangan antarabangsa. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund atau IMF), pengeluaran global akan berkembang sebanyak 3.1% pada 2010 selepas mengecut sebanyak 1.1% pada 2009. Walau bagaimanapun, risiko berkait dengan pertumbuhan global terus ketara di mana kadar pengangguran yang tinggi di ekonomi-ekonomi besar, menjadikan langkah stimulus kerajaan sesuatu yang perlu diteruskan.

Dengan berkembangnya ekonomi dunia dan permintaan, ekonomi Malaysia juga dijangka akan pulih dan mencatatkan pertumbuhan pada 2010. Hasil sokongan program rangsangan Kerajaan dan polisi kewangan akomodatif, perbelanjaan domestik yang lebih ketara boleh membantu ke arah pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 4.0% hingga 5.0%.

Langkah liberalisasi Kerajaan dalam sektor perkhidmatan juga seharusnya menyokong pemulihan ekonomi dan pertumbuhan pada 2010.

Prospek pasaran harta domestik juga dijangka bertambah baik pada 2010. Diwaktu aktiviti pelaburan dan perniagaan yang lebih stabil, kadar permintaan yang lebih tinggi dapat dijangkakan terhadap pejabat binaan khas, kadar penghunian, penyerapan, permulaan dan pembinaan. Kategori lain pasaran harta, termasuk kediaman, industri dan komersial juga dapat menikmati peningkatan permintaan pada 2010 hasil ekonomi yang lebih kukuh.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

Pengagihan dibayar dan dicadangkan oleh Tabung Amanah sejak 31 Disember 2008:

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008:

	Setiap Unit		Jumlah	
	Kasar Sen	Bersih Lepas Cukai Sen	Kasar RM	Bersih Lepas Cukai RM
Pengagihan pendapatan akhir sebanyak 3.5 sen seunit dibayar pada 27 Februari 2009	3.50	3.50	3,500,000	3,500,000

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009:

Pengagihan pendapatan interim sebanyak 3.25 sen seunit dibayar pada 28 Ogos 2009	3.25	3.25	3,250,000	3,250,000
---	------	------	-----------	-----------

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, pengagihan pendapatan akhir sebanyak 3.75 sen seunit (dikecualikan cukai pada peringkat Tabung Amanah), berjumlah RM3,750,000, yang akan dibayar pada 25 Februari 2010, telah diisytiharkan oleh Pengurus dan diluluskan oleh Pemegang Amanah pada 26 Januari 2010. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak mengambil kira pengagihan yang dicadangkan ini. Pengagihan tersebut akan diambil kira sebagai pengeluaran dari pendapatan belum di agihkan di dalam laporan kewangan berikutnya yang berakhir pada 30 Jun 2010. Secara keseluruhannya, Tabung Amanah menunjukkan pulangan pendapatan yang kompetitif serta memenuhi objektifnya iaitu untuk memberi pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit.

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

PENGAGIHAN PENDAPATAN (SAMB.)

Kesan daripada pengagihan pendapatan akhir terhadap nilai aset bersih seunit boleh agih kepada pemegang-pemegang unit pada 31 Disember 2009:

	Sebelum Pengagihan Pendapatan sen	Selepas Pengagihan Pendapatan sen
Nilai aset bersih setiap unit boleh agih kepada pemegang-pemegang unit	150.79	147.04

PECAHAN PEGANGAN UNIT

Kelas Unit	Jumlah Pemegang Unit	Peratusan Pemegang Unit (%)	Jumlah Unit Dipegang	Peratusan Unit Dipegang (%)
5,000 ke bawah	6,257	79.96	11,773,119	11.77
5,001 ke 10,000	729	9.32	6,162,790	6.16
10,001 ke 50,000	672	8.59	15,744,900	15.75
50,001 ke 500,000	163	2.08	19,952,091	19.95
500,001 dan ke atas	4	0.05	46,367,100	46.37
	7,825	100.00	100,000,000	100.00

PARA PENGARAH PENGURUS

Para pengarah pengurus yang memegang jawatan sejak laporan yang terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah seperti berikut:

Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil
Dato' Abd. Wahab bin Maskan
Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid (dilantik pada 31 Mac 2009)
Datuk Burhanuddin bin Ahmad Tajudin (meletak jawatan pada 17 Mac 2009)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sama ada sepanjang atau pada akhir tahun kewangan, Pengurus atau Tabung Amanah tidak menjadi pihak kepada sebarang perjanjian yang bertujuan membolehkan para pengarah mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur dalam Pengurus atau lain-lain badan korporat atau pemilikan unit dalam Tabung Amanah.

Sejak tarikh tahun kewangan terakhir, tiada pengarah Pengurus yang telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang terakru daripada yuran kepada Pengurus atau daripada urusan dengan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Pengurus seperti yang dinyatakan di nota-nota penyata kewangan Tabung Amanah) hasil dari kontrak yang dibuat oleh Pengurus atau Tabung Amanah atau badan yang berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarahnya ialah ahli atau dengan syarikat di mana pengarah itu mempunyai kepentingan.

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANA HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

KEPENTINGAN PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Berdasarkan kepada daftar pendeposit Tabung Amanah, kepentingan para pengarah Pengurus yang memegang jawatan pada 31 Disember 2009 dan mempunyai kepentingan dalam Tabung Amanah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	1 Januari 2009	Jumlah Unit		31 Disember 2009
		Beli	Jual	
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil	12,000	-	-	12,000

Tiada pengarah lain dan/atau ketua pegawai eksekutif mempunyai kepentingan di dalam Tabung Amanah di sepanjang tahun kewangan.

Sama ada sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada kontrak penting yang telah dipersetujui yang melibatkan mana-mana pengarah dan pemegang unit utama.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aset dan liabiliti Tabung Amanah disediakan, Pengurus telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan pemansuhan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa sebarang hutang lapuk yang diketahui telah dimansuhkan dan peruntukan yang mencukupi terhadap peruntukan hutang ragu telah dibuat; dan
 - untuk menentukan bahawa harta semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi dalam perniagaan biasa mengikut nilai harga yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Tabung Amanah telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, Pengurus tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang:
- memerlukan pemansuhan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu dibuat dalam penyata kewangan Tabung Amanah; dan
 - menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Tabung Amanah
- (c) Pada tarikh laporan ini, Pengurus tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang berbangkit yang membuatkan penggunaan kaedah penilaian yang digunakan sekarang bagi menilai aset-aset atau tanggungan Tabung Amanah mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Pengurus tidak mengetahui mengenai sebarang perkara yang belum dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Tabung Amanah yang boleh menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan tersebut mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- apa-apa cagaran ke atas harta-harta Tabung Amanah yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan-tanggungan pihak lain; atau
 - apa-apa tanggungan luarjangka bagi Tabung Amanah yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

- (f) Pada pendapat para pengarah Pengurus:
- (i) tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan Tabung Amanah yang berkuatkuasa atau berkemungkinan sebegitu dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan ini akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan AHP menunaikan kewajipannya apabila tiba masa kewajipannya dituntut; dan
 - (ii) tidak terdapat sebarang butiran, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat penting dan ganjil dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan ini dan tarikh laporan ini yang membawa kesan penting ke atas hasil operasi Tabung Amanah bagi tahun kewangan yang dilaporkan ini.
- (g) Pengurus ataupun wakilnya tidak menerima komisyen tidak nyata dari syarikat broker saham atas dasar urusanniaga yang dijalankan oleh Tabung Amanah.
- (h) Tabung Amanah tidak terlibat ataupun telah menjalankan sebarang aktiviti tanggungjawab sosial korporat ("CSR"). Walaubagaimanapun, Kumpulan PNB, di mana Pengurus adalah sebahagian daripada entiti terbesar, memberi komitmen yang tinggi terhadap pelbagai program CSR yang termasuk program pendidikan, sosial dan kebajikan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD menurut resolusi para Pengarah Pengurus pada 26 Januari 2010.



TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID



**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**

Kuala Lumpur, Malaysia

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID dan TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN, sebagai dua daripada para Pengarah PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan dari muka surat 36 hingga 64 telah disediakan dengan wajarnya menurut Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia, Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Suruhanjaya Sekuriti dan peruntukan Surat Ikatan Amanah bagi memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan AMANA HARTA TANAH PNB pada 31 Disember 2009 dan hasil kendalian dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD menurut resolusi para Pengarah Pengurus pada 26 Januari 2010.



TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID



**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**

Kuala Lumpur, Malaysia

AKUAN BERKANUN

Saya, MOHD NIZAM BIN ZAINORDIN, sebagai pegawai kepada Pengurus yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan AMANA HARTA TANAH PNB, dengan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan dari muka surat 36 hingga 64, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh MOHD NIZAM BIN ZAINORDIN yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 26 Januari 2010.



MOHD NIZAM BIN ZAINORDIN

Dihadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah,
Kuala Lumpur, Malaysia

PENYATA PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH HARTA TANAH PNB

Kami, AMANAH RAYA BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH HARTA TANAH PNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009. Pada pendapat kami, PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH HARTA TANAH PNB selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Surat Ikatan, lain-lain peruntukan Surat Ikatan, Garispanduan Tabung Amanah Harta Tanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH HARTA TANAH PNB adalah mencukupi dan penilaian/ penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Surat Ikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH HARTA TANAH PNB sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH HARTA TANAH PNB.

Untuk dan bagi pihak AMANAH RAYA BERHAD



DATO' AHMAD RODZI BIN PAWANTEH
Pengarah Urusan Kumpulan

Kuala Lumpur, Malaysia
27 Januari 2010

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH HARTA TANAH PNB (“TABUNG AMANAH”)

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Harta Tanah PNB, yang mengandungi Penyata Aset dan Liabiliti pada 31 Disember 2009, Penyata Pendapatan dan Perbelajaan, Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih kepada Pemegang-pemegang Unit dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 36 hingga 64.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSS) dan Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, sama ada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Tabung Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Tabung Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Tabung Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.


Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2008 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam nilai aset bersih serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara


Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan, menurut Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Suruhanjaya Sekuriti dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



Hanafiah Raslan & Mohamad

AF: 0002

Akauntan Bertauliah



Abdul Rauf bin Rashid

No. 2305/05/10(J)

Rakankongsi

26 Januari 2010

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
JUMLAH PENDAPATAN			
Pendapatan sewaan kasar	5	13,970,519	13,696,813
Tolak: Perbelanjaan operasi hartanah Susutnilai	6	(5,071,469) (1,912)	(4,966,980) (4,365)
Pendapatan sewaan bersih		8,897,138	8,725,468
Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan		200,668	271,312
Keuntungan nyata daripada pelupusan:			
- Aset berkaitan hartanah		58,365	2,130
- Aset bukan berkaitan hartanah		193,985	100,599
Keuntungan/(kerugian) tidak nyata ke atas penilaian:			
- Hartanah		-	1,805,000
- Aset berkaitan hartanah		20,250	(7,726)
- Aset bukan berkaitan hartanah		160,258	(344,276)
Dividen kasar daripada pelaburan dalam:			
- Aset berkaitan hartanah		6,857	-
- Aset bukan berkaitan hartanah		48,810	88,188
		9,586,331	10,640,695
JUMLAH PERBELANJAAN			
Yuran Pengurusan	7	(1,500,820)	(1,476,788)
Yuran Pemegang Amanah	8	(130,000)	(130,000)
Ganjaran juruaudit		(13,500)	(13,500)
Ganjaran agen percukaian		(3,800)	(3,800)
Yuran penilaian		(4,950)	(67,887)
Perbelanjaan percetakan, perbelanjaan pos dan am Kos pembiayaan	9	(99,116) (370,565)	(198,091) -
		(2,122,751)	(1,890,066)
PENDAPATAN SEBELUM CUKAI CUKAI	10	7,463,580 -	8,750,629 -
PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		7,463,580	8,750,629

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

	Nota	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN SELEPAS CUKAI TERDIRI DARIPADA BERIKUT:			
Pendapatan nyata bersih		7,283,072	7,297,631
Pendapatan tidak nyata bersih		180,508	1,452,998
		7,463,580	8,750,629
PENDAPATAN SEUNIT	11	7.46 sen	8.76 sen
PENDAPATAN SEUNIT (SEBELUM YURAN PENGURUSAN)			
- Kasar sebelum cukai		8.96 sen	10.23 sen
- Bersih selepas cukai		8.96 sen	10.23 sen
PENGAGIHAN PENDAPATAN BERSIH			
Pengagihan pendapatan interim sebanyak 3.25 sen seunit (2008: 3.00 sen seunit) dibayar pada 28 Ogos 2009 (2008: dibayar pada 29 Ogos 2008)	(3,250,000	3,000,000
Pengagihan pendapatan akhir dicadangkan sebanyak 3.75 sen seunit (2008: 3.50 sen seunit) akan dibayar pada 25 Februari 2010 (2008: dibayar pada 27 Februari 2009)		3,750,000 *	3,500,000
PENGAGIHAN PENDAPATAN AKHIR SEUNIT	12	3.75 sen *	3.50 sen
- Kasar sebelum cukai		3.75 sen *	3.50 sen
- Bersih selepas cukai		3.75 sen *	3.50 sen
PENGAGIHAN PENDAPATAN INTERIM SEUNIT	12	3.25 sen	3.00 sen
- Kasar sebelum cukai		3.25 sen	3.00 sen
- Bersih selepas cukai		3.25 sen	3.00 sen

* Pengagihan pendapatan akhir yang dicadangkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
PELABURAN			
Hartanah	13	143,290,000	143,290,000
Aset berkaitan hartanah	14	48,250	56,000
Aset bukan berkaitan hartanah	15	1,272,395	1,246,620
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	16	8,201,520	9,171,359
		<hr/>	<hr/>
		152,812,165	153,763,979
		<hr/>	<hr/>
LAIN-LAIN ASET			
Peralatan, perabot dan kelengkapan	17	3,143	5,055
Cukai boleh dituntut	18	637,291	308,267
Penghutang perdagangan	19	1,375,437	397,523
Penghutang-penghutang lain	20	572,084	422,629
Tunai dan baki di bank	21	72,494	36,610
		<hr/>	<hr/>
		2,660,449	1,170,084
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH ASET		155,472,614	154,934,063
		<hr/>	<hr/>
LIABILITI TIDAK TERMASUK NILAI ASET BERSIH BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT			
Deposit-deposit sewaan	22	3,940,437	3,757,125
Pemiutang-pemiutang lain	23	612,298	971,332
Terhutang kepada Pengurus	24	128,164	127,471
		<hr/>	<hr/>
		4,680,899	4,855,928
		<hr/>	<hr/>
NILAI ASET BERSIH BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT	25	150,791,715	150,078,135
JUMLAH LIABILITI		<hr/>	<hr/>
		155,472,614	154,934,063
		<hr/>	<hr/>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (SEN)	27	150.79	150.08
UNIT DALAM EDARAN		<hr/>	<hr/>
		100,000,000	100,000,000
		<hr/>	<hr/>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	Modal Pemegang- Pemegang Unit RM	Pendapatan Terkumpul RM	Jumlah Dana Pemegang- Pemegang Unit RM
Pada 1 Januari 2008		100,000,000	47,827,506	147,827,506
Pendapatan bersih tahun semasa		-	8,750,629	8,750,629
Pengagihan pendapatan:	12			
Pengagihan akhir				
- 31 Disember 2007		-	(3,500,000)	(3,500,000)
Pengagihan interim				
- 31 Disember 2008		-	(3,000,000)	(3,000,000)
Pada 31 Disember 2008		100,000,000	50,078,135	150,078,135
Pada 1 Januari 2009		100,000,000	50,078,135	150,078,135
Pendapatan bersih tempoh semasa		-	7,463,580	7,463,580
Pengagihan pendapatan:	12			
Pengagihan akhir				
- 31 Disember 2008		-	(3,500,000)	(3,500,000)
Pengagihan interim				
- 31 Disember 2009		-	(3,250,000)	(3,250,000)
Pada 31 Disember 2009		100,000,000	50,791,715	150,791,715

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Pendapatan sebelum cukai	7,463,580	8,750,629
Pelarasan untuk perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana:		
Susutnilai	1,912	4,365
(Keuntungan)/kerugian tidak nyata ke atas penilaian:		
- Hartanah	-	(1,805,000)
- Aset berkaitan hartanah	(20,250)	7,726
- Aset bukan berkaitan hartanah	(160,258)	344,276
Keuntungan nyata daripada pelupusan:		
- Aset berkaitan hartanah	(58,365)	(2,130)
- Aset bukan berkaitan hartanah	(193,985)	(100,599)
Pendapatan faedah daripada deposit dengan i institusi-institusi kewangan	(200,668)	(271,312)
Dividen kasar daripada pelaburan dalam:		
- Aset berkaitan hartanah	(6,857)	-
- Aset bukan berkaitan hartanah	(48,810)	(88,188)
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	6,776,299	6,839,767
Pertambahan cukai boleh dituntut	(329,024)	(22,930)
Pertambahan penghutang	(1,153,106)	(78,369)
(Pengurangan)/pertambahan pemiutang-pemiutang lain	(359,035)	179,688
Pertambahan deposit-deposit sewaan	183,312	120,290
Pertambahan/(pengurangan) terhutang kepada Pengurus	693	(95,347)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	5,119,139	6,943,099
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian peralatan, perabot dan kelengkapan	-	(510)
Perolehan daripada pelupusan:		
- Aset berkaitan hartanah	185,536	21,673
- Aset bukan berkaitan hartanah	1,079,304	1,498,227
Pembelian:		
- Aset berkaitan hartanah	(99,171)	(83,269)
- Aset bukan berkaitan hartanah	(750,834)	(986,597)
Faedah diterima	204,344	272,023
Dividen diterima daripada pelaburan dalam:		
- Aset berkaitan hartanah	6,857	-
- Aset bukan berkaitan hartanah	70,870	98,115
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan	696,906	819,662

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

	2009	2008
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pembayaran pengagihan pendapatan mewakili tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan	(6,750,000)	(6,500,000)
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(933,955)	1,262,761
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	9,207,969	7,945,208
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	8,274,014	9,207,969
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai dan baki di bank	72,494	36,610
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 16)	8,201,520	9,171,359
	8,274,014	9,207,969

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. TABUNG AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Amanah Harta Tanah PNB ("AHP" atau "Tabung Amanah"), sebuah Amanah Pelaburan Hartanah, telah diperlembagakan di bawah Surat Ikatan Amanah bertarikh 20 Mac 1989 di antara Pengurusnya iaitu Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), Pemegang Amanah iaitu Amanah Raya Berhad dan beberapa orang yang memegang unit-unit di dalam Tabung Amanah.

AHP telah dilancarkan pada 21 Mac 1989 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 28 Disember 1990. Aktiviti utama Tabung Amanah adalah pelaburan dalam hartanah dan pelaburan lain yang dibenarkan dengan objektif mencapai pulangan yang berterusan dan penambahan nilai modal bagi jangka masa panjang. Tiada sebarang perubahan besar dalam aktiviti utama di sepanjang tahun.

Pengurus, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah anak syarikat Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan tabung amanah pelaburan hartanah. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah memegang pelaburan untuk meningkatkan pegangan modal saham masyarakat Bumiputera dalam sektor korporat di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pengurus untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 26 Januari 2010

2. TEMPOH TABUNG AMANAH

Tabung Amanah akan meneruskan operasinya sehingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus seperti yang termaktub di bawah peruntukan Klausula 23 Surat Ikatan Amanah Tambahan Ketiga AHP.

3. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko pasaran, kadar faedah dan kredit timbul dalam perjalanan biasa urusan Tabung Amanah. Tabung Amanah mempunyai polisi dan garis panduan pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi mengoptimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang-pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Tabung Amanah.

Risiko Pasaran

Tabung Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan diversifikasi. Tabung Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Tabung Amanah dari ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan oleh Tabung Amanah.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

3. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Kadar Faedah

Tabung Amanah mengurus risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan polisi dan garis panduan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Tabung Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Risiko Kredit

Tabung Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan mempunyai polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari masa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

Risiko kredit terbit dari urusan dengan penyewa hartanah Tabung Amanah dan perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah kecuali pelaburan dalam hartanah dan sekuriti disebut harga yang dinyatakan pada nilai saksama/pasaran.

Penyata kewangan ini disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") berkenaan di Malaysia dan Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah yang berkenaan.

(b) FRS, Perubahan kepada FRS dan IC Interpretasi Yang Telah Diterbitkan Tetapi Belum Berkuat Kuasa

**Berkuatkuasa bagi
tempoh kewangan
bermula pada atau
selepas**

